

16/08/2002

Bunyamin perlu keluar daripada persembunyian

KOTA BHARU, Khamis - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, meminta bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob, supaya tampil secara sukarela membantu siasatan polis terhadapnya.

Beliau berkata, Bunyamin yang juga penceramah Pas, perlu keluar daripada persembunyiannya dan memberi keterangan kepada polis berhubung dakwaannya kononnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

"Saya tiada masalah. Sesiapa yang dikehendaki polis perlu mematuhi arahan itu kerana (tugas) polis adalah menjaga keselamatan. Oleh itu, mereka yang menyembunyikan diri perlu tampil kerana apabila kita bersembunyi, itu tanda kita bersalah dan selagi kita berperasaan begitu, maknanya kita memang bersalah.

"Mana saja dia (Bunyamin) berada, kita minta dia keluar. Benda ni (siasatan) ada peraturannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Landskap Negara peringkat Kelantan di Taman Perbandaran Tengku Anis di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Ab Rahim Jani, berkata polis belum dapat mengesan Bunyamin untuk mengambil keterangannya berhubung kandungan ceramah beliau di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), 15 Mac lalu.

Ketika menyampaikan ceramah, Bunyamin antara lain dikatakan mendakwa Dr Mahathir dan cucunya menonton video lucu.

Sementara itu, Ab Rahim ketika dihubungi hari ini berkata, Bunyamin belum hadir untuk diambil keterangan sehingga jam 5 petang ini.

Dalam perkembangan berkaitan, anak Bunyamin, Erma Suriani, 30, yang ditemui di Kampung Keting, Gunung, Bachok, berkata bapanya tidak dapat dikesan sejak dua minggu lalu, tetapi diyakini masih berada dalam negara.

Beliau berkata, Bunyamin ada menghubungi keluarga dan bercakap beberapa minit dengan adiknya, Sakinah, 26, minggu lalu untuk bertanya khabar anak dan kesihatan isterinya, Sunduyah Omar Salleh, 52.

"Ayah bercakap dengan Sakinah tapi dia tak cakap dari mana membuat panggilan. Dia pun tak cakap apa-apa mengenai polis nak ambil keterangan, jadi saya rasa ayah masih berada di negara ini," kata anak sulungnya itu, hari ini.

Beliau berkata, bapanya juga menghidap kencing manis dan perlu menjalani haemodialisis di Hospital Kota Bharu (HKB) setiap dua minggu yang diuruskan isteri keduanya, Norhaiti Ibrahim, 36, yang tinggal di Bukit Marak, Bachok.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Pengarah I Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Musa Hassan, mengarahkan polis di seluruh negara mengesan Bunyamin.

Jika gagal, polis akan mendapatkan perintah mahkamah untuk mengeluarkan waran bagi memastikan Bunyamin bekerjasama dengan polis.

Mengikut prosedur, katanya, apabila tindakan mengesan tidak berkesan, polis tidak akan teragak-agak memohon mahkamah mengeluarkan waran untuk menahan Bunyamin.

"Lebih mudah jika dia menemui pegawai penyiasat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di Kota Bahru atau ke Ibu Pejabat Polis di Bukit Aman di sini, untuk memberi keterangan.

"Polis tidak akan menahannya kerana kes itu masih di peringkat siasatan," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

